

DSKP 4 Kemahiran Menulis

- **Standard Kandungan:** 3.2 Menulis untuk mengemukakan maklumat dan pandangan tentang sesuatu perkara.
- **Standard Pembelajaran:** 3.2.1 Menulis untuk menyatakan maklumat yang betul dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada daripada pelbagai sumber menggunakan ayat yang gramatis.

Berdasarkan frasa atau ayat yang dicetak tebal, nyatakan gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang dalam petikan novel di bawah ini.

Soniah mengalihkan tajuk perbualannya. **Gunung penyesalannya** datang tiba-tiba. Kenapa dia membuka cerita itu di hadapan Laiman? Kenapakah dia tidak mengambil waktu yang sesuai untuk menerangkan sesuatu? Bukannya tidak ada masa yang baik untuk bercerita. Soniah benar-benar menyesal kini.

“Err ... berapa bulan lagi duduk di universiti?”

Soniah mengulangi pertanyaannya dengan harapan Laiman dapat melupakan perkara yang baru sahaja dicakapkannya sebentar tadi.

“Kau belum menjawab pertanyaanku.”

Soniah tersentak. Dia tergamam seketika. Dari ekor matanya, dia percaya yang Laiman betul-betul terganggu. Haruskah dia membongkarkan rahsia yang terbuku? Atau, membiarkan saja pertanyaan itu berlalu begitu sahaja. Bagaimana?

Soniah menyoal dirinya sendiri. Ah, sesak nafasnya sekarang ini! **Penyesalannya terus saja meronta-ronta, menghempas pintu hatinya.** ‘Kenapakah seabodoh itu aku bertindak? Kenapakah tidak terjangkau langsung dalam fikiranku atas kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku?’

(Dipetik daripada novel *Jalan ke Puncak*, halaman 17)

- 1 **Gunung penyesalannya** datang tiba-tiba → _____
- 2 Atau, membiarkan saja pertanyaan itu berlalu begitu sahaja. → _____
- 3 **Penyesalannya terus saja meronta-ronta, menghempas pintu hatinya** → _____
- 4 ‘Kenapakah seabodoh itu aku bertindak? Kenapakah tidak terjangkau langsung dalam fikiranku atas kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku?’ → _____